

Praktis 1

Praktis 1
Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. "Jangkitan Covid-19 harus elakkan dengan mengamalkan penjarakan sosial," kata Perdana Menteri.
A. kami
B. beta
C. kita
D. patik
2. "Ya Tuhan, Engkau berikanlah kesihatan yang baik kepada ayah," doa Siti.
A. patik
B. saya
C. hamba
D. aku
3. "Marilah membangkitkan semangat untuk menewaskan pasukan lawan," kata Cikgu Zambri kepada semua pemain bola sepak SMK Yu Hua Kajang.
A. kami
B. kita
C. saya
D. beta
4. "..... menitahkan Laksamana Hang Tuah agar segera menghapuskan lanun yang mengancam ketenteraman rakyat negeri Melaka," titah Sultan Mansur Shah.
A. Saya
B. Hamba
C. Patik
D. Beta
5. "..... akan bertarung dengan Hang Jebat yang menderhakai Sultan Melaka," kata Hang Tuah kepada rakan baiknya.
A. Hamba
B. Saya
C. Kami
D. Aku

Praktis 2

Ayat-ayat di bawah **mungkin betul** dan **mungkin salah** . Jika terdapat kesalah kesalahan itu telah ditanda dengan **A**, **B**, atau **C**, dan jika tiada kesalahan telah ditanda dengan **D**.

1. " Kita akan menyertai pertandingan syarahan yang akan diadakan pada 14 A
A B
2020 nanti," kata Rahmah kepada kawan-kawannya. Tiada kesalahan
C D
2. " Patik memohon perkenan tuanku untuk menyerang musuh yang mengancam
A B C
keselamatan di negeri kita," ujar Laksamana kepada Sultan Kedah.
Tiada kesalahan
D
3. " Kami semua hendaklah menyertai aktiviti gotong-royong di taman
A B
perumahan kita untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes,"
kata ketua kampung kepada semua penduduk kampung. Tiada kesalahan.
C D
4. Saya telah menunggu awak di sini sejak pukul tujuh pagi tadi kerana takut
A B
ketinggalan bas. Tiada kesalahan.
C D
5. Cikgu, bolehkah aku pergi ke tandas sekarang?" tanya Siaw Ting kepada Pu:
A B C
Juniah. Tiada kesalahan.
D

Praktis 4.

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. "Beta ingin ke perpustakaan untuk meminjam buku rujukan," kata Darliyah kepada ibunya.

2. "Hamba akan menjunjung segala perintah tuanku," sembah Tun Perak kepada Sultan Mahmud Shah.

3. "Saya mengampunkan kesalahan yang telah kamu lakukan," titah Sultan Pahang kepada pembesar itu.
